

PM: Amerika tidak mungkin serang negara Islam lain

UM 5 OCT 2001

Oleh JOHARDY IBRAHIM dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 4 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Amerika Syarikat (AS) tidak mungkin menyerang beberapa negara Islam yang didakwa turut melindungi pengganas selain daripada Afghanistan, tempat Osama bin Laden dilaporkan sedang bersembunyi.

Perdana Menteri berkata, jika itu dilakukan bermakna AS akan menghadapi keseluruhan dunia Islam.

Menurutnya, AS tidak akan melakukannya kerana Washington telah menjelaskan bahawa ia hanya melancarkan peperangan terhadap pengganas, bukannya terhadap dunia Islam.

“Tidak, saya tidak fikir AS akan melakukan perkara seperti itu kerana ia bermakna Amerika akan menghadapi keseluruhan dunia Islam.

“Dan negara itu sudah menyatakan bahawa ini bukan peperangan terhadap Islam, ia peperangan terhadap pengganas,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Per-

sidangan Kemuncak Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 2001 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan bahawa Amerika tidak menolak kemungkinan berlakunya serangan terhadap sasaran pengganas di negara Islam selain daripada usahanya untuk menangkap Osama, yang disyaki menjadi perancang utama serangan ke atas New York dan Washington pada 11 September.

Dr. Mahathir berkata, Afghanistan bagaimanapun tetap tidak boleh dipersalahkan atas serangan terhadap AS pada 11 September lalu kerana orang yang melakukan nya nyata bukan rakyat Afghanistan.

“Menurut laporan yang kita terima, pengganas terbabit adalah seperti orang Arab dan tinggal di AS sendiri.

“Secara teknikalnya, apakah anda akan mendefinisikan AS sebagai melindungi pengganas? Sudah tentu tidak (kerana) kita tidak tahu siapa mereka, di mana mereka berada,” kata Dr. Mahathir.

Mengenai panggilan yang diterimanya daripada Presiden Iran Mohammad Khatami

semalam, Dr. Mahathir berkata, Presiden itu menghubunginya bagi mendapat kata sepakat menjelang mesyuarat tergempar Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) di Qatar pada 9 Oktober ini.

Perdana Menteri berkata, hasil perbualannya dengan Khatami menunjukkan Malaysia dan Iran mempunyai pandangan yang sama mengenai pengganas iaitu mereka harus diburu dan dibanteras.

“Iran dan Malaysia sependapat supaya pengganas diburu dan dibanteras tetapi kita menentang sebarang perang dilancarkan oleh AS terhadap mana-mana negara.

“Iran dan Malaysia berpandangan bahawa keganasan hanya boleh dihapuskan dengan menangani punca-punca keganasan tersebut,” katanya.

Semalam, Iran dilaporkan meminta semua 57 anggota OIC mengambil pendirian yang jelas apabila mereka bersidang pada peringkat Menteri-Menteri Luar OIC di Qatar pada 9 Oktober ini bagi membincangkan rancangan AS untuk membentuk perikatan antikeganasan.